

Tanaman kontan jana pendapatan berterusan: PM

➔ Peladang boleh dapat pulangan harian, tidak terjejas krisis kejatuhan harga sawit, kelapa

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, krisis kejatuhan harga sawit dan getah yang memberi tekanan kepada peladang, dapat diatasi dengan tanaman kontan di ladang masing-masing.

Perdana Menteri berkata, tanaman yang boleh memberi pulangan seharian itu, membolehkan peladang terus memperoleh pendapatan, sekali gus tidak terjejas teruk dengan kejatuhan harga sawit dan getah.

Katanya, tanaman seumpamanya tidak memerlukan kawasan luas, namun perlu dilaksanakan secara serius dengan kaedah pertanian moden yang dibuat secara teratur dan tersusun.

Syor perladangan campuran

“Hari ini apabila harga sawit jatuh, kita akan menangis, tetapi jika satu bahagian dalam ladang kelapa sawit diusahakan tanaman kontan yang boleh memberi pulangan seharian, kita tidak akan terperangkap dengan kejatuhan harga kelapa sawit atau getah.

“Jika ada tanah, kita perlu ada perladangan campuran, jangan pegang pada satu jenis (tanaman)



Dr Mahathir meluangkan masa bersama petani muda ketika melawat beberapa kebun pertanian moden di sekitar Selangor, semalam.

saja kerana apabila harga jatuh, kita akan hadapi masalah.

“Ada pelbagai jenis tanaman kontan seperti timun, cili, dan tomat. Jika gilirkan tanaman ini mengikut keperluan pasaran, kita tidak akan putus pendapatan hanya kerana harga satu jenis tanaman yang kita monopoli jatuh,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu video yang dimuat naik di Facebook rasminya semalam, ketika melawat beberapa kebun pertanian moden di sekitar Selangor, semalam.

Antara kebun pertanian dikunjungi Perdana Menteri ialah Taman Kekal Pengeluaran Makanan

(TKPM) Jalan Kebun, Klang; Taman Agro-Fertigasi, Kajang dan TKPM Bukit Changgang (Tanaman Orkid), Banting.

Dengar luahan petani muda

Dr Mahathir turut meluangkan masa bersama beberapa petani muda bagi mendengar sendiri perkongsian pengalaman, luahan dan cabaran dihadapi mereka, selain melahirkan kekaguman melihat tanaman sayur-sayuran dibuat secara teratur serta tersusun menggunakan kaedah moden dibangunkan anak tempatan.

Perdana Menteri berkata, kaedah pertanian itu memerlukan anak muda yang terlatih dan ber-

disiplin, selain menekankan aspek disiplin sebagai kunci untuk maju.

Beliau berkata, peladang juga perlu mengurangkan kebergantungan kepada pekerja, khususnya warga asing, sebaliknya melakukan sendiri tugas di ladang, melainkan ada keperluan mengupah pekerja.

“Seboleh-sebolehnya kita sendiri tunjuk kehairahan kepada kerja dan kita akan berjaya, tetapi jika buat ini secara sambilan, tanam di belakang rumah, ini tak jadi.

“Kita kena tukar cara dan kita akan berjaya sebagai peladang moden, *gentleman farmers*, itulah hasrat kita,” katanya.